

061 PERANAN FATWA SEBAGAI MEDIUM PENYEBARAN MAKLUMAT DALAM MENANGANI PERMASALAHAN AGAMA MASYARAKAT ISLAM DI TERENGGANU

**Wan Zulkifli Wan Hassan, Nasruddin Yunos, Azizi Umar, Nazri Muslim
Jamsari Alias**

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

ABSTRAK

Maklumat dan cara penyalurannya penting dalam mempengaruhi kehendak sesuatu organisasi atau masyarakat. Institusi fatwa perlu memainkan peranan selaku penyebar maklumat yang berkesan bagi memastikan kelangsungan perkembangan pengetahuan masyarakat dapat direalisasikan dengan sempurna. Ini kerana institusi fatwa merupakan salah satu medium terpenting dalam kehidupan masyarakat agar segala tindakan mereka tidak tersasar dari ajaran Islam sebenar. Masyarakat sering berhadapan dengan suasana berubah dari sudut sosial, politik dan ekonomi. Antara sebab belaku demikian adalah terdapat sebahagian isu yang tidak pernah wujud di zaman sebelum ini. Menyedari situasi ini, perbincangan mengenainya wajar ditangani oleh mereka yang mempunyai kelayakan dalam bidang berkenaan. Namun bagaimakah peranan yang dimainkan oleh fatwa dalam menyebarkan maklumat dalam menangani permasalahan masyarakat Islam di Malaysia khususnya di Terengganu diamalkan. Adakah ada prosedur tertentu dalam penyediaan, pengeluaran dan penyebaran sesuatu fatwa dalam menyebarkan maklumat tersebut. Justeru artikel ini akan melihat dengan lebih dekat berhubung sejauhmana peranan fatwa sebagai penyebar maklumat dalam menangani permasalahan masyarakat Islam di Terengganu. Kaedah utama yang digunakan dalam artikel ini adalah dengan melalui kajian lapangan dan analisis bahan-bahan penulisan terdahulu. Maklumat yang diperolehi diolah dan dianalisis secara kualitatif. Kajian mendapati fatwa dianggap sebagai medium yang sangat penting dalam penyebaran maklumat dalam menangani su-isu berkaitan permasalahan agama masyarakat Islam di Terengganu.

Kata kunci: Fatwa, Penyebar, Maklumat, Menangani, Permasalahan, Agama, Terengganu

PENGENALAN

Kehidupan manusia sentiasa berhadapan dengan pelbagai permasalahan dan kehendak semasa, situasi dan tempat. Antara punca belaku sedemikian adalah terdapat sebahagian isu yang dihadapi oleh mereka dianggap berbeza di zaman sebelumnya. Menyedari situasi ini, maklumat mengenai cara penyelesaian terhadap permasalahan tersebut perbincangan wajar disebarluaskan oleh sumber autoriti dan mempunyai kelayakan dalam bidang berkenaan. Namun apakah medium yang baik untuk menyebarkan maklumat dalam menangani permasalahan masyarakat Islam agar ia dapat disalurkan dan disebarluaskan kepada masyarakat demi untuk memberi pengetahuan secara berkesan dalam kehidupan mereka. Ini kerana usaha merealisasikan Islam dalam amalan kehidupan masyarakat di Malaysia khususnya di Terengganu merupakan cabaran yang berat untuk ditangani. Justeru artikel ini akan melihat dengan lebih dekat berhubung sejauhmana peranan fatwa sebagai medium penyebar dalam isu-isu berkaitan permasalahan masyarakat. Kaedah utama yang digunakan dalam artikel ini adalah dengan melalui kajian lapangan dan analisis bahan-bahan penulisan terdahulu. Maklumat yang diperolehi diolah dan dianalisis secara kualitatif.

PENGURUSAN FATWA DI TERENGGANU

Pengurusan fatwa di Malaysia dikendalikan oleh Jabatan Mufti Negeri dalam usaha mengembangkan ilmu terutama yang melibatkan hukum-hakam. Salah satu contoh yang boleh diketengahkan dalam hal ini adalah Jabatan Mufti negeri Terengganu (JMNT) dengan melihat perkembangan dan perjalanan Jabatan Mufti Negeri Terengganu (JMNT), pengurusan organisasi, pentadbiran dan pengurusan dalam pengeluaran fatwa.

Pengurusan fatwa di Terengganu tidak dapat ditentukan secara tepat bilakan ianya bermula. Namun begitu, menurut sumber sejarah Negeri Terengganu, terdapat panggilan seperti “Syaikh al-‘Ulama” atau “Mufti” yang disandang oleh Syeikh Abdul Malik b. Abdullah atau nama panggilan “Tok Pulau Manis. Beliau bukan sahaja rapat dengan sultan ketika iaitu Sultan Zainal Abidin I (1725-1734) bahkan pembesar-pembesar istana juga

turut sama-sama berguru dengannya. Tok Pulau Manis bertanggungjawab mengeluarkan fatwa-fatwa mengenai pegangan agama dan hukum-hakam.¹

Walaubagaimanapun, menurut sumber dari Jabatan Mufti Negeri Terengganu (JMNT), perlantikan mufti secara rasmi dan terdapat catatan di JMNT ialah semasa pemerintahan Sultan Omar (1839-1876). Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas dilantik sebagai mufti Terengganu secara rasmi di samping menjadi guru kepada Sultan Omar. Beliau memegang jawatan tersebut bermula tahun 1864 hingga 1870. Selaku mufti Terengganu dan penasihat kepada sultan, beliau banyak memberi tunjuk ajar mengenai dasar-dasar kerajaan supaya ia selari dengan kehendak Islam.²

Pada zaman pemerintahan Sultan Omar juga, seorang ulama berketurunan Arab iaitu Syed Muhammad b. Zainal Abidin al-Idrus atau nama gelaran beliau “Tok Ku Tuan Besar” juga mendapat pengiktirafan dengan gelaran Syeikh al-Ulama di samping gelaran “Tuan Besar Paduka Raja”. Beliau dilantik sebagai mufti Terengganu bermula pada tahun 1870 hingga 1878.³ Jawatan mufti dipegang oleh pelbagai tokoh ulama bermula dari Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas sehingga sekarang. Sejarah penubuhan JMNT dilihat dari dua keadaan iaitu pertama, JMNT sebelum diasingkan dari Jabatan Hal Ehwal Islam Agama Terengganu dan kedua, latar belakang penubuhan JMNT selepas diasingkan.

PENTADBIRAN DAN ORGANISASI JMNT

Organisasi dan pentadbiran JMNT diketuai oleh seorang Mufti dan dibantu oleh kakitangan dari kumpulan pengurusan dan profesional serta kakitangan dari kumpulan sokongan. Di Terengganu, bagi jawatan pegawai, Mufti dibantu oleh seorang Timbalan Mufti. Kakitangan sokongan pula terdiri daripada pelbagai jawatan yang bertindak membantu pentadbiran jabatan.

Fungsi JMNT adalah melaksanakan tugas-tugas yang telah ditetapkan oleh Majlis yang merupakan pihak yang berkuasa agama di negeri Terengganu. Tugas JMNT adalah

¹ Shafei Abu Bakar (1991), Tok Pulau Manis dan Pengasasan Pendidikan Islam, dalam Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors, h. 58.

² Ahmad Fathi al-Fattani (2001), *Ulama Besar Dari Pattani*, Bangi: UKM, h. 277; Lihat laman web <http://mufti.islam.gov.my/terengganu>.

³ Muhammad Salleh b. Hj. Awang (1978), *Terengganu Dari Bentuk Sejarah Hingga 1918*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Press, h. 189.

mengeluarkan fatwa bagi pihak Majlis. Bagi melicinkan lagi perjalanan dan perkara-perkara yang berkaitan fatwa, pihak Majlis menubuhkan suatu Jawatankuasa untuk menasihati Majlis dalam perkara yang melibatkan fatwa. Ia dipengerusikan oleh Mufti dan dianggotai oleh ahli-jawatankuasa ini bukan dari kalangan kakitangan tetap.⁴

Dalam Enakmen (Terengganu) Undang-Undang Islam 1955, 46 (1) memperuntukkan bahawa perlantikan Mufti dan Timbalan Mufti adalah di bawah bidang kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Menteri Besar jika dilihat sesuai dan layak untuk dilantik ke jawatan tersebut.⁵

Dalam Enakmen itu juga dinyatakan bahawa perlantikan Mufti dan Timbalan Mufti hendaklah disiarkan dalam Warta. Apabila seksyen ini mula berkuat kuasa, orang yang dilantik menjadi Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Terengganu sebelum sahaja seksyen ini mula berkuat kuasa hendaklah menyifatkan telah dilantik di bawah seksyen ini sebagai Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Terengganu dan hendaklah terus memegang jawatan itu.⁶

Dalam Enakmen tersebut juga memperuntukkan bahawa Jawatankuasa Fatwa Negeri hendaklah terdiri daripada Mufti sebagai Pengurus, Timbalan Mufti, tidak kurang daripada dua orang ulama dari anggota Majlis yang dinamakan oleh Majlis, tidak kurang daripada tiga orang dan tidak lebih daripada lima orang yang layak dan sesuai sama ada mereka dari kalangan ahli Majlis ataupun tidak asalkan mereka yang sesuai dan layak yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai dari JMNT yang dilantik oleh Majlis sebagai Setiausaha. Lima orang Ahli Jawatankuasanya hendaklah menjadi kuorum.⁷

Sebelum seksyen ini berkuat kuasa, mana-mana orang yang menjadi anggota Jawatankuasa Fatwa yang ditubuhkan di bawah Enakmen terdahulu hendaklah tertakluk kepada subseksyen (4) dan mereka disifitkan sebagai telah dinamakan atau dilantik

⁴Portal JAKIM: Mufti Terengganu-Terengganu, melalui Laman Web, <http://mufti.islam.gov.my/terengganu>.

⁵Enakmen Undang-Undang Islam Terengganu, 1955, 46 (1); Fail Jabatan Mufti Terengganu; Portal JAKIM: Mufti Terengganu-Terengganu, melalui Laman Web, <http://mufti.islam.gov.my/terengganu>

⁶Enakmen Undang-Undang Islam Terengganu, 1955, 46 (1); Portal JAKIM: Mufti Terengganu-Terengganu, melalui Laman Web, <http://mufti.islam.gov.my/terengganu>

⁷Enakmen Undang-Undang Islam Terengganu, 1955, 46 (1); Portal JAKIM: Mufti Terengganu-Terengganu, melalui Laman Web, <http://mufti.islam.gov.my/terengganu>; Ahmad Mohamad Ibrahim (1998), Acara Mufti Membuat Fatwa, dalam Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd. Majid (1998), *Mufti dan Fatwa di Negra-Negara Asean*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), h. 101-102.

menjadi anggota Jawatankuasa Fatwa sehingga tempoh perlantikannya di bawah Enakmen yang terdahulu itu tamat.⁸

Subseksyen (3) tidak terpakai bagi mana-mana orang kecuali Mufti dan Timbalan Mufti yang menjadi anggota Jawatankuasa yang disebut dalam subseksyen (3) atas nama jawatan. Di samping itu Jawatankuasa Fatwa boleh memutuskan segala persoalan berhubung dengan tatacara dan amalannya tetapi tertakluk kepada Enakmen ini.⁹

Dalam pada itu, menurut fasal 8 (1) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Terengganu 1422H/2001M merperuntukkan bahawa Mufti adalah antara anggota Majlis yang ditubuhkan oleh Duli Yang Maha Mulia al-Sultan.¹⁰ Pada Mei 2006, Kerjaan Negeri Terengganu menjadi negeri ketiga selepas Negeri Sembilan dan Perak yang meletakkan kedudukan Mufti setaraf dengan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri. Oleh itu, Mufti Terengganu akan menerima semua kemudahan yang dinikmati Exco termasuk elaun, ganjaran dan protokol.¹¹

FAKTOR-FAKTOR FATWA DISEDIAKAN DAN DIKELUARKAN

Dari sudut amalan, sesuatu fatwa disediakan atau dikeluarkan disebabkan empat faktor iaitu:¹²

- i) Pertanyaan daripada masyarakat, agensi kerajaan dan pertubuhan.
- ii) Arahan daripada pihak kerajaan
- iii) Inisiatif sendiri
- iv) Faktor-faktor lain seperti memberi ulasan spontan dan jawapan terhadap sesuatu pertikaian

⁸Enakmen Undang-Undang Islam Terengganu, 1955, 46 (1); Fail JMNT.

⁹Enakmen Undang-Undang Islam Terengganu, 1955, 46 (1); Fail JMNT.

¹⁰ Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Terengganu 1422H/2001M, Fasal 8 (1); MAIDAM, sila lihat Laman Web, <http://maidam.gov.my/keanggotaan.php>.

¹¹ Sila layari Laman Web <http://www.terengganu.gov.my>.

¹² *Temubual* bersama Syed Nazmi b. Tuan Taufek, Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Mufti Negeri Terengganu, pada 26 Julai 2004, jam 2.45pm, di Jabatan Mufti Terengganu; *Temubual* bersama Dr. Zulkifli Mohammad al-Bakri (Ahli JK Fatwa Negeri Terengganu) pada Hari Rabu, 14 Mac 2007, jam 9.45am hingga 10.15am; Ahmad Hidayat b. Buang (2004), Penyedian dan Pengeluaran Fatwa, dalam Ahmad Hidayat Buang, *Fatwa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 97-98.

Mengikut Mufti dan pegawai di JMNT, faktor pertayaan, mendapat arahan dan inisiatif sendiri adalah antara faktor yang paling banyak fatwa disediakan dan dikeluarkan.

PROSES PENYEDIAAN DAN PEWARTAAN FATWA

Berdasarkan di atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan atau kehendak Jawatankuasa sendiri atau atas permintaan oleh mana-mana pihak yang dibuat melalui surat yang dialamkan kepada Mufti, Jawatankuasa Fatwa bolehlah menyediakan suatu fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan kontroversi berhubung dengan hukum Syarak.¹³

a) Di Peringkat Jabatan Mufti

Semua soalan yang diajukan melalui mana-mana saluran penyoal dan cara yang dijelaskan di atas akan disediakan jawapannya oleh JMNT. Menurut amalan yang dilakukan di JMNT, semua soalan yang diajukan akan dijawab selepas melaui peringkat penapisan. Kerja penapisan tersebut adalah perlu memandangkan kemungkinan wujud soalan-soalan yang tidak ada kena mengena dengan masalah hukum yang tidak perlu kepada jawapan atau ia terdapat unsur-unsur sensitiviti.¹⁴

b) Di Peringkat Jawatankuasa

Sebelum Jawatankuasa Fatwa Negeri membuat fatwa, Mufti boleh menyuruh supaya kajian atau penyelidikan dijalankan sebagaimana yang diarahkan dan kertas kerja perlu disediakan. Justeru Mufti memanggil semua Jawatankuasa Fatwa untuk diadakan mensyuarat bagi tujuan untuk membincangkan fatwa yang dicadangkan itu.¹⁵

¹³ Temubual bersama Dr. Zulkifli Mohammad al-Bakri (Ahli JK Fatwa Negeri Terengganu) pada Hari Rabu, 14 Mac 2007, jam 9.45am hingga 10.15am; Lihat juga, Fail JMNT.

¹⁴ Temubual bersama Dr. Zulkifli Mohammad al-Bakri (Ahli JK Fatwa Negeri Terengganu) pada Hari Rabu, 14 Mac 2007, jam 9.45am hingga 10.15am; Fail JMNT.

¹⁵ Temubual bersama Dr. Zulkifli Mohammad al-Bakri (Ahli JK Fatwa Negeri Terengganu) pada Hari Rabu, 14 Mac 2007, jam 9.45am hingga 10.15am; Fail JMNT; Portal JAKIM: Mufti Terengganu–Terengganu, melalui Laman Web, <http://mufti.islam.gov.my/terengganu>.

PEWARTAAN FATWA

Selepas fatwa disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri, Mufti , pihaknya atau atas nama Jawatankuasa Fatwa Negeri hendaklah mengemukakan fatwa tersebut kepada Majlis terlebih dahulu. Kemudian Majlis berhak dan boleh membuat keputusan selepas menimbang dan teliti terhadap fatwa tersebut dan membuat syor kepada yang Maha Mulia Sultan untuk mendapat perkenannya bagi perwartaan fatwa itu.¹⁶ Syor yang dibuat di bawah subseksyen (4) mestilah disertakan dengan memorandum penjelasan dan ulasan daripada Majlis jika Majlis berpendapat penjelasan dan ulasan tersebut perlu.¹⁷

Apabila fatwa itu telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, Majlis hendaklah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri mengenai fatwa tersebut dan makluman itu hendaklah menyebabkan fatwa tersebut disiarkan dalam Warta. Sesuatu fatwa yang disiarkan dalam Warta hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah seksyen ini. Sesuatu fatwa hendaklah disiarkan dalam bahasa kebangsaan dalam versi jawi dan rumi. Namun apa-apa pernyataan yang dibuat oleh JK Fatwa tidak boleh dianggap sebagai fatwa melainkan jika pernyataan itu disiarkan dalam Warta mengikut subseksyen (6).¹⁸

PINDAAN, UBAHSUAIAN DAN PEMBATALAN FATWA

Dalam seksyen 52 (1) ada memperuntukkan bahawa JK Fatwa boleh meminda, mengubahsuaian atau membatal mana-mana fatwa yang telah disiarkan dalam Warta di bawah Enakmen ini atau di bawah Enakmen terdahulu. Sesuatu pindaan, ubahsuaian atau pembatalan sesuatu fatwa hendaklah dianggap sebagai suatu fatwa dan peruntukan-peruntukan seksyen 50, kecuali subseksyen 50 (7) hendaklah terpakai juga. Dalam pada

¹⁶ *Ibid*; Fail JMNT.

¹⁷ *Ibid*, Portal JAKIM: Mufti Terengganu-Terengganu, melalui Laman Web, <http://mufti.islam.gov.my/terengganu/>.

¹⁸ *Ibid*.

itu, sesuatu pindaan, ubahsuaian atau pembatalan sesuatu fatwa hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah subseksyen (1).¹⁹

Sementara itu, Enakmen Terengganu dengan secara jelas menyebut bahawa sebarang keputusan yang diambil dalam isu yang berbangkit hendaklah dirujuk kembali kepada JK Fatwa.²⁰ Ini kerana Enakmen 25 (5) ada mengatakan:

“Jika dalam perkara mengenai Hukum Syarak tidak dapat membuat keputusan maka Jawatankuasa Fatwa dipanjangkan kepada Majlis untuk perkara itu hendaklah kemudiannya hendaklah apa-apa pandangannya yang bagi dirujuk/kembali kepada Jawatankuasa membuat keputusan”.

SUMBER RUJUKAN DALAM PENYEBARAN FATWA

Bagi memastikan peranan yang dimainkan oleh fatwa dalam menyebarluaskan maklumat agama kepada masyarakat Islam di Terengganu, JMNT telah menetapkan metodologi tertentu dalam sumber rujukan sesuatu fatwa. Metodologi dalam penyebaran dan pengurusan fatwa yang dikendalikan oleh JMNT dianggap selari dengan apa yang telah dikemukakan oleh Ibn al-Šalāḥ. Beliau pernah menegaskan bahawa mufti yang bermazhab dengan mana-mana imam mujtahid ada empat:²¹

- i- Mufti yang tidak bertaqlid dengan mazhab imamnya dan dalilnya kerana dia mampu menguasai sifat-sifat dan ilmu-ilmu yang sewajarnya dikuasai oleh *mujtahid muṭlaq*. Namun beliau juga dikenali dengan mufti bermazhab kerana ijtihadnya berpandukan metodologi imam-imam tertentu dan menyebarluaskan pendapatnya.

¹⁹ Portal JAKIM: Mufti Terengganu-Terengganu, melalui Laman Web, <http://mufti.islam.gov.my/terengganu>.

²⁰ Noor Naemah bt. Abdul Rahman (2003), Pembangunan Intitusi Fatwa Di Malaysia: Satu Analisa Terhadap Perkembangan Semasa, dalam *Kertas Kerja Sisipan Seminar Pembangunan Ummah Peringkat Negeri Selangor* anjuran Jabatan Mufti Selangor dengan kerjasama Unit Perunding Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, (t.h.), di dapati melalui Laman Web <http://www.selangor.gov.my/suk/khutbah>.

²¹ Ibn al-Šalāḥ (1986M), *Fatāwā wa Masā'il Ibn al-Salāḥ*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, j. 1, h. 29-41.

- ii- Mufti yang berkemampuan melakukan ijтиhad dalam ruang lingkup mazhab imamnya sendiri. Justeru dia berkemampuan menghuraikan mazhabnya berdasarkan dalil dan kaedah imamnya. Namun beliau tidak memenuhi ciri-ciri *mujtahid muṭlaq* kerana kekurangan dari sudut ilmu dan alat-alat yang diperlukan oleh *mujtahid muṭlaq*. Golongan ini dinamakan *Aṣḥāb al-Wujūh wa al-Turuq fī al-Madhhāb*.
- iii- Mufti yang tidak memenuhi ciri-ciri mufti di atas di sebabkan tidak mempunyai kepakaran dalam mentakhrij dan mengistinbat hukum. Dengan kata lain, beliau tidak dapat menguasai bidang *uṣūl al-fiqh* atau ilmu-ilmu yang boleh membantunya berijtihad walaupun dia seorang faqih dalam mazhab imamnya dan mengetahui serta mampu memperjelas dan mentarjihkan dalil-dalil mazhab imamnya.
- iv- Mufti yang hanya mampu menjawab permasalahan dengan mengingati pendapat dan fatwa-fatwa mazhab imamnya dan boleh memetik dan memahami setiap permasalahan yang dibangkitkan dalam kitab-kitab mazhab imamnya sama ada yang jelas atau rumit tetapi tidak mampu menghurai dalil-dalil dan segala bentuk qiyasnya.

Cara mengenali *qawl mu'tamad* mazhab Shāfi'i dalam fatwa-fatwa di Terengganu ialah:²²

- Dinaskan bahawa pendapat tersebut muktamad.
- Pendapat tersebut muncul kemudian dari pendapat yang berlawanan dengannya.
- Para *fuqaha'* mazhab menjadikan sebagai asas *tafri'*.
- Dinyatakan pendapat yang bertentangan adalah pendapat yang tidak betul.
- Pendapat tersebut bertepatan dengan mazhab *fiqh* yang lain.

Dari perspektif sumber, *qawl mu'tamad* dalam mazhab Shāfi'i boleh dikategorikan kepada dua kategori iaitu:²³

i *Qawl Mu'tamad Imam Shāfi'i*

²²Ahmad Termizi bin Taha dan Syed Mohd Azmi bin Syed Ab. Rahman (2007), Kedudukan Qawl Muktamad Mazhab Syafie Dalam Fatwa-Fatwa Negeri Terengganu dari Tahun 2000-2006, di dalam *Kertas Kerja Seminar Hukum Islam Semasa V*, Peringkat Kebangsaan 2007 pada 22-23 Ogos 2007 yang dianjurkan oleh Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 7-8.

²³*Ibid*

Qawl mu'tamad yang bersumber daripada Imam Shāfi'i mempunyai dua bentuk iaitu:

- a. *Qawl mu'tamad* yang mana pendapat yang sebaliknya dihukum lemah dan ia dikenali sebagai *al-Masyhur*.
- b. *Qawl mu'tamad* yang mana pendapat yang bertentangan dengannya dihukum kuat dan ia dikenali sebagai *al-azhar* atau pendapat yang paling kuat.

ii *Qawl Mu'tamad* Pengikut Mazhab Shāfi'i

Qawl mu'tamad yang bersumber daripada pengikut mazhab Shāfi'i juga mempunyai dua bentuk iaitu:

- a. *Qawl mu'tamad* yang mana pendapat yang sebaliknya dihukum lemah dan ia dikenali sebagai *al-sahih*.
- b. *Qawl mu'tamad* yang mana pendapat yang bertentangan dengannya dihukum kuat dan ia dikenali sebagai *al-asah* atau pendapat yang paling kuat.²⁴

Kedua-kedua kategori *qawl mu'tamad* tersebut mempunyai kedudukan yang sama. Majlis fatwa dan mahkamah hendaklah menjadikannya sebagai rujukan ketika membuat sesuatu keputusan fatwa dan menjatuhkan hukuman. Manakala *qawl* yang lemah pula hanya boleh diamalkan untuk diri sendiri sahaja.²⁵

Imam Nawawi, seorang ulama mazhab Shāfi'i yang tersohor juga berpegang kepada pendapat yang berlawanan dengan *qawl mu'tamad* mazhab Shāfi'i dalam beberapa persoalan *fiqh*. Antara kitab dalam mazhab yang dijadikan rujukan oleh penulis dalam tesis ini ialah kitab *Minhāj al-Tālibīn* dan kitab *Rawdah al-Tālibīn* karya agung Imam

²⁴Ibid

²⁵Ibid.

Nawawi perlu diselidiki oleh pihak yang terlibat dalam mengeluarkan fatwa memandangkan kitab tersebut dikarang khusus untuk para Mufti. Kitab tersebut bukan sahaja memuatkan *qawl mu'tamad* mazhab Shāfi'i tetapi juga dimuatkan *qawl* yang tidak *mu'tamad* dan juga pendapat peribadi Imam Nawawi.²⁶

Justeru dalam proses pengeluaran fatwa zakat, JMNT menggunakan sumber rujukan fatwa berpandukan mazhab Syafi'i sebagaimana yang terdapat di dalam kitab-kitab. Ini bersandarkan kepada peruntukan yang terdapat dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak. Pada kebiasaannya fatwa yang dikeluarkan samada dalam bentuk warta, JK Fatwa dan mufti sendiri adalah merujuk kepada mazhab Syafii.²⁷ Ini jelas sebagaimana yang dikemukakan dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak No. 40 pada tahun 1955 yang disebut dalam fasal 21(1) yang menyebut:²⁸

“tatkala membuat dan mengeluarkan sebarang fatwa di atas mana-mana masalah hukum syara’ atau nas menurut sebagaimana cara yang telah disebutkan di atas ini maka hendaklah mufti itu lazimnya mengikut qaul-qaul yang muktamad dalam mazhab Syafi’i”.

Dalam enakmen di atas menjadikan mazhab Syafi'i sebagai mazhab rasmi dalam institusi fatwa di Terengganu. Meskipun pada kelazimannya pandangan mazhab Syafi'i menjadi doktrin yang mengikat amalan fatwa di Terengganu, namun terdapat juga peruntukan yang membenarkan fatwa atau penafsiran hukum dibuat berdasarkan kepada mazhab yang lain dan memberi ruang untuk tidak terikat dengan doktrin-doktrin mazhab Syafii sahaja. Keizinan tersebut boleh dilaksanakan jika pendapat mazhab Syafi'i dalam masalah-masalah tertentu menyalahi dan mengganggu kepentingan umum. Sebagai contoh, seksyen 26(1) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (1986) yang memperuntukkan bahawa jika JK Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut *qawl* muktamad dalam Mazhab Syafi'i menyebabkan berlakunya sesuatu keadaan yang

²⁶ *Ibid.*

²⁷ Portal JAKIM: Mufti Terengganu-Terengganu, melalui Laman Web, <http://mufti.islam.gov.my/terengganu>.

²⁸ Terengganu, Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak 1955 (1357) (Undang-Undang Bil. 4 Tahun 1955), fasal 21 (1).

berlawanan dengan kepentingan awam, JK Fatwa dibenarkan mengikut *qawl muktamad* dalam Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali. Enakmen tersebut mengatakan:²⁹

“Kecuali bagi maksud maslahah dan kebajikan orang-orang Islam, maka bolehlah ia mengeluarkan fatwa atau kaedah pengertian berpandukan mana-mana mazhab yang empat atau mazhab yang difikirkan sesuai oleh jawatankuasa fatwa”.

Bahkan dalam beberapa keadaan tertentu, jika JK fatwa berpendapat bahawa tiada suatu pun *qawl muktamad* daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan berlawanan dengan kepentingan umum, JK fatwa bolehlah mengeluarkan fatwa mengikut ijтиhad tanpa terikat dengan *qawl muktamad* daripada mana-mana mazhab yang empat itu.³⁰

Dalam enakmen di atas menggambarkan mufti dan JK Fatwa diberi kebebasan dalam mengeluarkan pendapat sendiri tanpa terikat kepada mana-mana mazhab jika semua pendapat dalam mazhab-mazhab tersebut bertentangan dengan kepentingan umum. Dalam mengikut pandangan mazhab Syafi'i pula, ia tidak mengkhususkan kepada pandangan yang muktamad atau selainnya bahkan memberi kelonggaran kepada mufti dan JK Fatwa membuat sandaran kepada mazhab-mazhab selain dari mazhab yang empat.

PROSES DAN BENTUK PENYEBARAN FATWA

Prosedur atau proses penyediaan dan penyebaran fatwa di Terengganu telah diperuntukkan dalam Enakmen Kerajaan Negeri. Namun begitu, dari sudut amalannya, jika fatwa tersebut merupakan suatu jawapan yang hanya disepakati di peringkat JK Fatwa tanpa perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, maka ia tidak diwartakan tetapi diminitkan

²⁹ Terengganu, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (1986) seksyen 26(1); Portal JAKIM: Mufti Terengganu-Terengganu, melalui Laman Web, <http://mufti.islam.gov.my/terengganu>. ; Fail JMNT; Noor Naemah bt. Abdul Rahman (2003), *op. cit.*, melalui Laman Web <http://www.selangor.gov.my/suk/khutbah>.

³⁰Portal JAKIM: Mufti Terengganu-Terengganu, melalui Laman Web, <http://mufti.islam.gov.my/terengganu>.

sahaja. Begitu juga dengan fatwa yang berbentuk jawapan-jawapan terhadap soalan-soalan yang dikemukakan kepada mufti secara persendirian samada melalui lisan mahupun surat. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan dan disebarluaskan oleh JMNT boleh diklasifikasikan kepada tiga bentuk fatwa sebagaimana berikut:³¹

FATWA YANG DIWARTAKAN

Apa yang dimaksud dengan fatwa yang diwartakan ialah setiap fatwa yang diputuskan oleh Mufti atau JK Fatwa setelah mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan diwartakan melalui warta kerajaan. Sesuatu fatwa yang telah diwartakan akan dijadikan undang-undang dan semua orang Islam di negeri ini terikat dengan fatwa tersebut. Fatwa dalam kategori ini dianggap rasmi dan boleh dihebahkan dan disebarluaskan kepada umum dan digunakan untuk tujuan-tujuan rasmi atau ia boleh dijadikan bahan bukti di Mahkamah.³²

FATWA YANG DIPERSETUJUI DAN DIPUTUSKAN OLEH MUFTI ATAU JAWATANKUASA FATWA NEGERI TETAPI TIDAK DIWARTAKAN

Tidak semua permasalahan atau persoalan yang dibawa kepada JK Fatwa atau Mufti diwartakan menjadikannya sebagai undang-undang negeri. Namun begitu, sesuatu fatwa itu dikira sebagai dokumen kerajaan dan tertakluk kepada peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya jika sesuatu fatwa itu dipohon secara rasmi melalui surat atau pertanyaan. Ini kerana terdapat sesetengah fatwa dianggap sulit dan tidak perlu didedahkan kepada masyarakat umum. Fatwa dalam kategori ini juga dianggap rasmi dan boleh dihebahkan kepada umum tetapi terdapat sebahagiannya dianggap sulit dan tidak perlu didedahkan kepada umum.

³¹ Temubual bersama Syed Nazmi b. Tuan Taufek, Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Mufti Negeri Terengganu, pada 26 Julai 2004, jam 2.45-3.00pm, di Jabatan Mufti Terengganu.

³² Portal JAKIM: Mufti Terengganu-Terengganu, melalui Laman Web, <http://mufti.islam.gov.my/terengganu>.

FATWA YANG DIKELUARKAN OLEH MUFTI SECARA PERSENDIRIAN.

Apa yang dimaksud dengan kategori fatwa ini berupa jawapan-jawapan lisan atau bertulis Mufti secara persendirian yang dijawab secara langsung atau pada tempoh-tempoh yang tertentu kepada pihak-pihak yang bertanya dan memohon fatwa tentang masalah agama. Fatwa yang diputuskan dalam kategori ini yang melibat soal jawab agama tidak dianggap sebagai rasmi terutama jawapan tersebut dibuat melalui lisan.

PERANAN FATWA SEBAGAI PENYEBAR MAKLUMAT AGAMA

Jabatan Mufti Negeri Terengganu dilihat berjaya menerbitkan fatwa yang diputuskan oleh Mufti dan JK Fatwa dalam pelbagai bentuk penerbitan. Antara bentuk-bentuk penerbitan yang telah dikenal pasti menurut Mufti adalah berupa Warta Kerajaan, buku himpunan fatwa³³, majalah³⁴, pamphlet, surat-surat edaran kepada kariah-kariah.

Menurut pengamatan penulis, dalam menerbitkan buku himpunan fatwa, JMNT ada membuat klasifikasi mengikut bidang-bidang pengajian fatwa-fatwa tersebut tetapi sesetengahnya tidak disusun secara sistematik mengikut disiplin pengajian Islam. Ini kerana sebahagian penerbitan buku himpunan fatwa disusun secara bertaburan dalam pelbagai muka surat, tidak diletakkan dalam satu tajuk yang melibatkan satu isu. Antara bidang-bidang yang dimuatkan ialah sebagaimana berikut:

- 1) Usuluddin yang meliputi keimanan kepada tuhan, kerasulan, perkara-perkara ghaib, hari akhirat dan sebagainya.
- 2) Syariah yang melibatkan ibadat, muamalat, perkahwinan, jenayah dan sebagainya.
- 3) Adab dan Sosial yang melibatkan amalan harian masyarakat, adat istiadat dan tradisi sesuatu masyarakat dan sebagainya.

³³ Antaranya Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (1971), *Fatwa Mufti Kerajaan Terengganu: Dari Tahun Hijrah 1372-1389 Bersamaan Tahun 1953-1970*; _____(1986, 1987 dan 2000), *Fatwa Mufti*, JMNT (199), *Himpunan Jawapan Kemusykilan-Kemusykilan Agama*; Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (2001), *Himpunan Fatwa Mufti Negeri Terengganu*.

³⁴ Sebagai contoh al-Risalah yang diedarkan oleh JMNT setiap bulan.

Fatwa-fatwa yang diterbitkan oleh JMNT sebagaimana yang disebutkan di atas pada kebiasaan adalah bertujuan untuk disebarluaskan kepada masyarakat umum. Pun begitu, terdapat sebahagian fatwa tidak dapat disebarluaskan di atas sebab-sebab tertentu seperti fatwa yang melibatkan masalah pentadbiran dan perkara sensitiviti masyarakat. Penyebaran fatwa merupakan salah satu daripada strategi JMNT untuk memberi ilmu pengetahuan mengenai keagamaan dengan cara sebarluaskan bahan bercetak termasuk menggunakan kemudahan internet seperti e-Fatwa dan sebagainya.³⁵

Aktiviti penyebaran fatwa oleh JMNT (dulu Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu) sangat memberangsangkan kerana kebanyakan bahan-bahan bercetak yang megandungi fatwa-fatwa mufti diedarkan secara percuma kepada masyarakat. Sebagai contoh, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (1971), telah menerbitkan *Fatwa – Fatwa Mufti Kerajaan Terengganu: Dari Tahun Hijrah 1372-1389 Bersamaan Tahun 1953-1975*. Mufti ketika itu adalah Syed Yusuf b. 'Ali al-Zawawi.

Begitu juga buku *Fatwa Mufti* yang dilihat menyumbang besar dalam penyebaran maklumat agama kepada masyarakat Islam apabila cetakan pertamanya pada tahun 1986 sebanyak 1000 naskhah, cetakan keduanya pada tahun 1987 sebanyak 5000 naskhah dan cetakan ketiganya pada tahun 2000 sebanyak 1000 naskhah. Semua buku tersebut diedarkan secara percuma kepada masyarakat.³⁶

Pada tahun 1998, Jabatan Mufti Negeri Terengganu menerbitkan buku *Himpunan Jawapan Kemosykilan-Kemosykilan Agama*, Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd. Selain itu juga terdapat buku yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (2000), *Fatwa Mufti*, melalui Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd., Kuala Terengganu, buku *Himpunan Jawapan Kemosykilan-Kemosykilan Agama* yang diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu pada tahun

³⁵Portal JAKIM: Mufti Terengganu-Terengganu, melalui Laman Web, <http://mufti.islam.gov.my/terengganu>.

³⁶ Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (2000), *Fatwa Mufti*, Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd., h. iv.

1422H/2001M. Mufti ketika itu adalah Engku Pangiran Arif DiRaja Dato' Engku 'Alwi b. Engku Ambak. Terdapat juga buku terbitan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu pada tahun 2001 iaitu *Himpunan Fatwa Mufti Negeri Terengganu*.

Selaian daripada buku, institusi fatwa Terengganu juga menggunakan akhbar sebagai salah satu medium dalam menyebarkan maklumat berkaitan agama kepada masyarakat Islam di Terengganu. Akhbar "*Warta Darul Iman*", yang bermula sekitar tahun 2002 sehingga 2004 melalui runagan soal jawab bersama Mufti Terengganu.

Dalam usaha untuk menguatkan lagi keprihatinan masyarakat Islam terhadap fatwa, JMNT telah berusaha ke arah penguatkuasaan. Dari sudut penguatkuasaan, mufti atau JMNT bukanlah ditugaskan sebagai pihak yang tanggungjawab untuk menguatkuasakan sesuatu fatwa. Mufti atau JMNT hanyalah ditugaskan untuk memberi penjelasan hukum dan menyelesaikan sesuatu permasalahan agama yang ditimbulkan oleh masyarakat, kerajaan atau pertubuhan-pertubuhan tertentu.³⁷

Namun begitu, fatwa yang diwartakan sahaja terikat ke atas semua orang Islam yang bermastautin di Terengganu sebagai ajaran agama dan wajib bagi mereka di sisi agama mematuhi dan berpegang dengan fatwa tersebut melainkan jika dia dibenarkan oleh hukum Syarak untuk tidak mengikut fatwa tersebut dalam perkara-perkara yang berkaitan kepercayaan, amalan atau pendapat peribadi. Dalam pada itu, sesuatu fatwa hendaklah diiktirafkan oleh semua Mahkamah di dalam negeri Terengganu tentang semua perkara yang dinyatakan di dalamnya.³⁸

Dalam konteks fatwa yang telah diwartakan, Enakmen Terengganu memperuntukkan bahawa Majlis bagi pihak kerjaan negeri mempunyai peranan sebagai pihak yang boleh mendakwa orang Islam yang melanggar fatwa di Mahkamah Syariah. Majlis boleh mengisyiharkan sebarang buku, rekod atau pita rakaman, suratan, filem dan

³⁷ Telah dijelaskan sebelum ini mengenai fungsi Mufti dan JMNT.

³⁸ Portal JAKIM: Mufti Terengganu-Terengganu, melalui Laman Web, <http://mufti.islam.gov.my/terengganu>; Ahmad Mohamad Ibrahim (1998), Acara Mufti Membuat Fatwa, dalam Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd. Majid (1998), *Mufti Dan Fatwa Di Negara-Negara Asean*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), h. 103.

sebagainya yang didapati bercanggah dan melanggar hukum Syarak untuk dikenakan apa-apa tindakan di Mahkamah Syariah.³⁹

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dibuat di atas, institusi fatwa dilihat memainkan peranan penting dalam penyebaran hukum di Malaysia. Bagi masyarakat umum, dalam perkara-perkara keagamaan yang memerlukan fatwa, mereka akan merujuk kepada para alim ulama khususnya amereka yang berautoriti seperti Mufti yang dikira sebagai satu jawatan tertinggi Islam di Terengganu dalam pengeluaran fatwa. Justeru fatwa salah satu medium dalam penyebaran maklumat dalam menangani sesuatu masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam di Terengganu. Oleh itu, dalam perkara-perkara rasmi, seperti jika terdapat permintaan daripada pihak kerajaan, organisasi atau masyarakat mengenai hukum Islam dalam sesuatu perkara, Mufti akan ditanya agar menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat.

Walaupun begitu, terdapat beberapa usaha untuk mengadakan saluran bagi orang ramai dalam mengutarakan masalah keagamaan yang mereka hadapi seperti dalam ruangan kemosykilan agama yang diadakan samada melalui surat, emel, berjumpa sendiri Mufti dan sebagainya. Di samping itu terdapat juga beberapa penerbitan yang mengandungi kumpulan jawapan kepada kemosykilan-kemosykilan agama. Ini boleh membantu masyarakat dalam memahami permasalahan mereka yang berkaitan agama melalui fatwa yang telah dikeluarkan.

³⁹ Lihat Enakmen Terengganu (Bil.12/1986), s.27(1).

RUJUKAN

- Ahmad Fathi al-Fattani (2001), *Ulama Besar Dari Pattani*, Bangi: UKM.
- Ahmad Hidayat b. Buang (2004), Penyedian dan Pengeluaran Fatwa, dalam Ahmad Hidayat Buang, *Fatwa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ahmad Mohamad Ibrahim (1998), Acara Mufti Membuat Fatwa, dalam Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd. Majid (1998), *Mufti dan Fatwa di Negra-Negara Asean*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Ahmad Termizi bin Taha dan Syed Mohd Azmi bin Syed Ab. Rahman (2007), Kedudukan Qawl Muktamad Mazhab Syafie Dalam Fatwa-Fatwa Negeri Terengganu dari Tahun 2000-2006, di dalam *Kertas Kerja Seminar Hukum Islam Semasa V*, Peringkat Kebangsaan 2007 pada 22-23 Ogos 2007 yang dianjurkan oleh Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Terengganu 1422H/2001M, Fasal 8 (1);
MAIDAM, sila lihat
- Enakmen Undang-Undang Islam Terengganu, 1955, 46 (1).
- Fail Jabatan Mufti Terengganu.
- Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (2000), *Fatwa Mufti*, Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (1971), *Fatwa –Fatwa Mufti Kerajaan Terengganu: Dari Tahun Hijrah 1372-1389 Bersamaan Tahun 1953-1970*; _____(1986, 1987 dan 2000), *Fatwa Mufti*, JMNT (1986), *Himpunan Jawapan Kemusykilan-Kemusykilan Agama*; Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (2001), *Himpunan Fatwa Mufti Negeri Terengganu*.
- Laman Web <http://www.terengganu.gov.my>.
- Laman Web, <http://maidam.gov.my/keanggotaan..>
- Lihat Enakmen Terengganu (Bil.12/1986), s.27(1).
- Muhammad Salleh b. Hj. Awang (1978), *Terengganu Dari Bentuk Sejarah Hingga 1918*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Press.

Noor Naemah bt. Abdul Rahman (2003), Pembangunan Intitusi Fatwa Di Malaysia: Satu Analisa Terhadap Perkembangan Semasa, dalam *Kertas Kerja Sisipan Seminar Pembangunan Ummah Peringkat Negeri Selangor* anjuran Jabatan Mufti Selangor dengan kerjasama Unit Perunding Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, (t.h.), di dapati melalui Laman Web <http://www.selangor.gov.my/suk/khutbah>.

Portal JAKIM: Mufti Terengganu-Terengganu, melalui Laman Web, <http://mufti.islam.gov.my/terengganu>.

Shafei Abu Bakar (1991), Tok Pulau Manis dan Pengasasan Pendidikan Islam, dalam Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors, h. 58.

Terengganu, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (1986) seksyen 26(1);

Terengganu, Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak 1955 (1357) (Undang-Undang Bil. 4 Tahun 1955), fasal 21 (1).

Wan Zulkifli Wan Hassan. 2009, *Pengaruh Mazhab Shafii Dalam Fatwa Mengenai Zakat Di Terengganu: Kajian Dari tahun 1953 -2005*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Tesis Ph.D..